

**KERTAS PELAPORAN  
JAWATANKUASA PEMANDU  
TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)**

**KAJIAN PENGGUNAAN CATI/CAPI UNTUK CPI**

**Disediakan oleh:**

Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan  
Jabatan Perangkaan Malaysia

**Format Kertas Cadangan Dan Pelaporan  
Kajian Di Bawah Jawatankuasa Pemandu Teknikal Statistik**

---

1. Kajian: Kajian Penggunaan CATI/CAPI Untuk CPI
  - 1.1 Teras: Teras Strategik 1; Menyediakan Maklumat yang Berintegriti dan Reliable
  - 1.2 Strategi: Strategi 2; Menggunakan Metodologi Statistik dan Teknologi Secara Optimum
2. Latar belakang:

Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (BPHPP) bertanggungjawab untuk mengeluarkan Indeks Harga Pengguna (CPI) dengan tepat serta menepati masa yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi tanggungjawab yang telah diberikan, BPHPP telah menggunakan kemudahan ICT dalam membantu proses pungutan dan pemprosesan data.

Kajian dijalankan untuk mengenalpasti dan menilai teknologi yang boleh digunakan secara optimum bagi mengukuhkan serta memantapkan lagi pengeluaran Indeks Harga Pengguna (CPI) beserta produk sampingan selari dengan ekspektasi *stakeholder* yang kian meningkat.

Selain dari segi keberkesanan kos, penilaian juga akan dilakukan terhadap *reliability* sesuatu teknologi tersebut

### 2.1 Pengenalan

Selari dengan peredaran zaman, pengeluaran CPI telah menjadi semakin mencabar. Peruntukan masa yang agak terhad bersama responden memerlukan pihak jabatan mencari alternatif terhadap satu teknologi yang dapat mempercepatkan proses pungutan data

Kajian akan meliputi penggunaan CATI bagi salah satu komponen di dalam CPI, iaitu Penyiasatan Sewa Rumah (PSR).

## 2.2 Pernyataan masalah (*Problem statement*)

### 2.2.1 Keberkesanan penggunaan CATI bagi PSR

### 2.2.2 Penjimatan (tenaga dan kos) bagi penggunaan CATI

## 3. Objektif kajian

3.1 Mengenalpasti keberkesanan penggunaan CATI bagi PSR berbanding kerja luar

3.2 Menilai penjimatan (tenaga dan kos) terhadap penggunaan CATI dan CAPI

## 4. Pendekatan metodologi

### 4.1 Data

4.1.1 Untuk CATI bagi PSR, liputan kajian adalah berdasarkan seperti berikut (Kadar respon Julai 2014);

Bil.	JP Negeri	Jumlah Kes	Bil. Kes - CATI	(%)	Kadar respon - CATI	(%)
1	Melaka	496	416	83.9	321	77.2
2	N.Sembilan	565	427	75.6	298	69.8
3	Selangor	662	646	97.6	331	51.2
4	W.P K.Lumpur	482	370	76.8	247	66.8

### 4.2 Kaedah analisis

Kaedah analisis adalah berdasarkan analisis ringkas terhadap data/variabel yang diperolehi.

### 4.3 Jadual pelaksanaan

Kajian masih lagi dilakukan terhadap penggunaan CATI bagi PSR di empat JP Negeri dan penggunaan PDA di JP Selangor

## 5. Hasil dan rumusan

### 5.1 Hasil/Dapatan kajian

#### **Ringkasan Penjimatan Penggunaan**

#### **CATI**

#### **Bagi Penyiasatan Sewa Rumah Julai 2014**

Bil.	Perkara	Melaka	N.Sembilan	Selangor	W.P K. Lumpur	Jumlah
<b>Lawatan Kerja Luar</b>						
i	Jumlah Kes	496	565	662	482	
ii	Jumlah Anggota Kerja Luar	8	8	34	14	
iii	Jumlah Kes setiap anggota	62	71	19	34	
iv	Jumlah Kes/anggota/hari	31	35	19	17	
v	Kos Cetakan Borang (RM)	49.60	56.50	66.20	48.20	
vi	Kos Tuntutan Perjalanan (RM)	1,600.00	1,600.00	2,400.00	1,120.00	
<b>JUMLAH (RM)</b>		1,649.60	1,656.50	2,466.20	1,168.20	6,940.50
<b>CATI</b>						
i	Jumlah Kes - CATI	416	427	646	370	
ii	Kadar respons - Julai 2014	77.20%	69.80%	51.20%	66.80%	
		321	298	331	247	
iii	Jumlah Anggota - CATI	5	5	6	4	
iv	Jumlah Kes setiap anggota	83	85	108	93	
v	Kos Panggilan Telefon (RM)	416.00	427.00	646.00	370.00	
<b>Jumlah (RM)</b>		416.00	427.00	646.00	370.00	
<b>Lawatan Semula</b>						
vi	Bil. Kes kerja luar/lawatan semula	175	267	331	235	
vii	Kos Cetakan Borang	17.48	26.70	33.12	23.48	
viii	Kos Tuntutan Perjalanan	564.03	755.98	1,200.90	545.69	
<b>JUMLAH (RM)</b>		997.51	1,209.67	1,880.02	939.17	5,026.38

Dari hasil kajian yang dijalankan berdasarkan jadual 5.1 dapat dirumuskan:-

- a. Penggunaan CATI bagi PSR di empat Negeri telah menjimatkan kos sebanyak 38.08%
- b. Penggunaan CATI juga telah mengurangkan penggunaan anggota sebanyak 68.8 %
- c. Kajian ini telah membuktikan manfaat yang diperolehi dari kemajuan teknologi dalam operasi jabatan

## 5.2 Tindakan penyelesaian

### Nota:

Bagi tujuan cadangan kajian, pelaporan perlu disediakan sehingga perkara 4 dan setelah kajian selesai dijalankan pelaporan perlu disediakan sehingga perkara 5.